

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



BENGKEL AKSESORI KREATIF DAN KITAR SEMULA MEDAN TERAPI MELALUI SENI WARGA KAMPUS

Oleh: Dr. Azlina Bujang, Biro Sosial KEKITA



Walaupun sibuk dengan tugas harian, warga kampus Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak tidak melepaskan peluang untuk menjayakan Bengkel Aksesori Kreatif dan Kitar Semula bertempat di Bilik Sarjana UiTM Cawangan Sarawak pada 17 Mei 2019. Bengkel yang dianjurkan oleh Biro Sosial, Kelab Kakitangan (KEKITA) Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak ini telah disertai oleh seramai 20 orang kakitangan akademik dan bukan akademik. Pihak penganjur telah menjemput dua orang tenaga pengajar yang berkemahiran dan berpegalaman luas dalam industri pembuatan aksesori wanita di Sarawak. Objektif utama penganjuran adalah memberi pendedahan kepada peserta berkenaan kemahiran pembuatan aksesori wanita.

Pengisian bengkel juga mengetengahkan aksesori yang dihasilkan dengan menggunakan barangan kitar semula seperti plastik dan sebagainya. Penggunaan barangan kitar semula ini dapat membantu menjaga alam sekitar dengan mengitar semula barangan. Tindakan ini secara tidak langsung dapat membantu pengurangan bahan buangan dan berlaku pembaziran penggunaan sumber alam semula jadi yang semakin terhad. Mewakili pihak penganjur, Biro Sosial KEKITA, Dr. Azlina Bujang, menambah melalui program ini penghasilan aksesori yang diperbuat daripada plastik terpakai adalah sebagai satu langkah kecil untuk menyahut seruan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui *Pelan Tindakan Menuju Penggunaan Sekali Guna Sifar Plastik* yang menyasarkan pengurangan pencemaran sisa plastik secara holistik bermula dari tahun 2018 sehingga 2030.

Pihak penganjur juga berhasrat untuk meneruskan bengkel-bengkel seumpama yang lain pada masa yang akan datang bagi memastikan warga kampus yang bukan sahaja cemerlang dari segi mutu kerja dan perkhidmatan malahan mempunyai ilmu pengetahuan sampingan dan mempelbagaikan lagi kemahiran yang sedia ada. Presiden KEKITA, Dr. Kamarudin Jaraiee juga berharap agar lebih banyak lagi bengkel yang bercorak ilmiah dapat dianjurkan kepada kakitangan dan setinggi penghargaan diberikan kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Sarawak yang sentiasa memberikan sokongan dalam apa jua program yang dianjurkan oleh pihak kelab.

Pemenang Zon 5S/EKSA UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah 2019

Oleh: Imelia Laura Daneil, Siti Faridah Kamaruddin, PM Dr. Tang Howe Eng

Jawatankuasa Penganjur 5S/EKSA UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan Majlis Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Antara Zon 5S/EKSA UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah bagi tahun 2019 pada 27 September 2019. Pemenang Zon 5S/EKSA bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

1. Tempat Pertama: Zon PTAR
2. Tempat Kedua: Zon Setia Raja
3. Tempat Ketiga: Zon Pejabat Kolej

Zon Polis Bantuan telah dianugerahkan sebagai zon contoh terbaik pengamalan 5S/EKSA bagi tahun 2019 di atas komitmen dan kecemerlangan dalam melaksanakan 5S/EKSA mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Tahniat dan syabas kepada pemenang zon dan semoga amalan 5S/EKSA mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja di tempat kerja masing-masing.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1576



9 772232 157005